

## → PRIHATIN

# Derita hidap kecelaruan sistem ketahanan tubuh

BH  
18/9/16  
MIS 26

→ Suri rumah terlantar sejak Januari mohon bantuan

### Info

#### Penyakit SLE

- **Pesakit** sering pitam, buah pinggang bocor, jantung bengkak, paru-paru dan hempedu dijangkiti kuman.
- **Kulit** badan pesakit hitam.

zan, 38, menjaganya sepenuh masa di rumah, sekali gus tidak dapat keluar bekerja mencari nafkah untuk mereka sekeluarga.

"Saya kini hanya mampu bangun dan berjalan sekejap kerana sering pitam, manakala buah pinggang saya bocor, jantung bengkak, paru-paru dan hempedu saya dijangkiti kuman hingga menyebabkan kulit serta fizikal saya menjadi hitam," katanya ketika ditemui di rumah pangsa, Taman Setia Jaya, di sini, semalam.

#### Tiada pendapatan

Sementara itu, Md Nazri yang menjadi anggota Jabatan Sukarelawan Rakyat (RELA) berkata, beliau sering menolak tugas yang diberikan bagi menjaga isteri dan dua anaknya yang berusia dua dan sembilan tahun.

Katanya, beliau tidak mempunyai sumber pendapatan kerana perlu berada di rumah menyediakan makanan, termasuk memberikan susu khas untuk isteri serta menghantar anaknya ke sekolah.

"Kami hanya bergantung sumber kewangan daripada Jabatan Zakat Kedah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Namun, duit ini hanya cukup untuk membeli makanan asas, ubat-



**Julihoslita menunjukkan kulit di tangannya** seperti berkudis akibat penyakit Systemics Lupus Erythematosus (SLE)

uban tambahan serta membeli susu khas yang mahal," katanya yang mengharapkan ihsan orang ramai bagi membantu meringankan beban mereka.

Bagi mereka yang ingin membantu, Md Nazri boleh dihubungi menerusi nombor telefon 010-5249194.

Sementara itu, Pakar Perubatan Umum HSB, Dr Nor Shahrizat Ahmad, berkata pesakit SLE perlu mengambil ubat secara berterusan bagi memastikan penyakit itu dapat dikawal.

Katanya pengambilan ubat secara konsisten dapat 'mendiamkan' antibodi yang menyerang tisu yang normal.

"Antibodi ini tidak boleh dimatikan, sebaliknya hanya boleh 'di-diamkan' dengan cara mengambil ubat dan menjalani rawatan yang konsisten.

"Sekiranya pesakit tidak makan ubat, antibodi ini akan aktif dan menyerang tisu normal yang boleh merosakkan sel dan tisu termasuk menjejaskan sistem seperti kulit, sendi, buah pinggang, paru-paru atau organ lain dalam badan," katanya ketika dihubungi BH di sini.

Shahrizat berkata, kesan penyakit itu berbeza mengikut pesakit dengan ada pesakit yang terjejas di bahagian kulit sahaja dan ada di bahagian organ lain.

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Seorang suri rumah yang menghidap Systemic Lupus Erythematosus (SLE) atau penyakit kronik yang berlaku akibat kecelaruan sistem ketahanan tubuh, terlantar sejak Januari lalu, selepas beberapa organ penting terjejas berikutan penyakit itu.

Julihoslita Johari, 34, berkata beliau disahkan menghidap penyakit itu tiga tahun lalu hingga menyebabkan tanggungjawabnya sebagai suri rumah dan ibu kepada dua anaknya gagal dilaksanakan dengan baik.

#### Suami berkorban

Katanya, keadaan itu menuntut pengorbanan suaminya, Md Nazri Azi-